



Britain sambut rombongan dan adakan jamuan SHOR2 HAMPIR SEMUA DI-LULUSKAN

BANDAR BRUNEI. — Rombongan perlembagaan Brunei yang di-ketuai oleh Duli Yang Maha Mulia itu di-jangka akan sampai di-Brunei pada hari Khamis, 9 haribulan dari London sa-telah berunding hampir dua minggu dengan wakil2 Kerajaan British mengenai satu perlembagaan yang bertulis bagi negeri ini.

Laporan penoh atas kajayaan yang di-chapai dalam perundingan kerana menuntut perlembagaan itu di-jangka akan di-bentangkan dalam Majlis Meshuarat Negeri

Majlis itu mungkin mengadakan satu meshuarat khas tidak lama sa-lepas Hari Raya Puasa yang akan datang ini untuk menimbangkan laporan itu.

Pegawai Penerangan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Mohamed Yusuf, sa-orang anggota

rombongan itu dalam sa-puchok kawat-nya berkata bahawa rombongan itu di-jadualkan bertolak dari London ka-Singapura dalam perjalanan balek ka-Brunei pada 7 April.

Dari Singapura rombongan itu akan menaiki kapal terbang sharikat Malayan Airways dan akan

sampai di-Brunei pada hari Khamis.

Rundingan perlembagaan itu telah berjalan dengan lincin dan hasil-nya memuaskan. Tuntutan2 Brunei hampir semua-nya di-persetujukan oleh Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan British Tuan Alan Lennox Boyd.

Lain2 tuntutan yang belum dapat di-selesaikan dalam persidangan sa-hingga hari Khamis yang lalu akan di-binchangkan dalam lanjutan persidangan yang sedang berjalan sekarang.

Persidangan itu telah di-mulakan pada 23 March tetapi telah di-tanggohkan sa-lama empat hari sa-hingga sa-malam kerana kelepasan Easter.

Persidangan itu di-pengerusi-kan oleh Tuan Lennox Boyd yang telah menyambut baik kedatangan rombongan itu ka-London.

Beliau telah mera'ikan ahli2 rombongan itu dalam satu majlis makan di-Chequers, ia-itu rumah perangan Perdana Menteri British, Tuan Harold Macmillan.

Brunei di-beri kehormatan internasional

LONDON. — Kehormatan internasional telah di-beri oleh Kerajaan British kepada rombongan perlembagaan Brunei yang sekarang ini berada di-sini kerana merundingkan satu perlembagaan bertulis bagi negeri ini.

Kerajaan British telah membenarkan bendera Brunei di-kibarkan di-tempat Duli Yang Maha Mulia bersemayam di-sini kerana mengetuai rundingan itu.

Duli Yang Maha Mulia dan rombongan itu tinggal di-Grosvenor House ia-itu sa-buah hotel yang terkemuka di-sini.

Bagi kali pertama-nya dalam sejarah Brunei, sa-bagai tanda kehormatan kepada Duli Yang Maha Mulia serta rombongan itu bendera Brunei di-kibarkan di-hadapn bangunan Grosvenor House.

DA'WAAN KUASA GHAIB CHARI ORANG HILANG

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang laki2 yang menda'wa bahawa ia mempunyai kuasa ghaib dan dapat menchari orang hilang apabila badan-nya menggeleter telah membawa Polis ka-tempat di-jumpai mayat sa-orang budak laki2 China berumur 9 tahun di-sini pada 5 January.

Da'waan itu telah di-nyatakan dalam keterangan Assistant Superintendent, Tuan Stephen Liew tatkala penyiasatan atas kematian budak laki2 itu, Goh Chai Hing di-mulakan di-mahkamah magistrate di-sini pada hari Khamis.

Goh telah di-dapati hilang dari rumah-nya pada 3 January dan mayat-nya dalam keadaan bogel di-jumpai di-belakang sekolah St. George.

Tuan Liew berkata bahawa orang yang menda'wa boleh menchari orang hilang apabila badan-nya menggeleter itu ialah George Edward Muriel.

Muriel yang telah di-tahan di-penjara Jerudong di-bawah undang2 Imigresen di-katakan telah di-temui di-balai Polis oleh Tuan Liew dan atas satu soal Muriel telah menjawab:

Apabila di-soal lagi Muriel temembunuh?"

Apabila di-saol lagi Muriel telah menjawab bahawa dia telah mendengar daripada sa-orang Iban di-penjara Jerudong bahawa sa-orang budak telah terbunuh.

Tuan Liew berkata lagi bahawa Muriel mengaku dia mempunyai kuasa ghaib apabila badan-

nya menggeleter boleh menchari pembunuh itu.

Keterangan lain telah diberi oleh Assistant Superintendent Pengiran Jaya dan Dr. P. Hood dari Pejabat Perubatan.

Dr. Hood yang telah mengadakan pembelahan mayat berkata budak itu telah mati di-antara 30 sampai 40 jam sa-belum mayat itu di-jumpai.

Budak itu, kata Dr. Hood, telah mati sebab nafas-nya tersekat.

Penyiasatan itu sedang di-jalankan.

Tulang manusia dalam hutan

TEMBURONG. — Satu tengkorak dan tulang2 rangka manusia telah di-jumpai dalam hutan di-daerah ini oleh Polis lebeh kurang dua minggu dahulu.

Polis sedang menjalankan penyiasatan.

DERMASISWA PERTADBIRAN KAPADA PEGAWAI B.A.S.

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang pegawai pertadbiran Brunei, Pengiran Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Penolong Pegawai Pemungut Hasil Tanah, Negeri Brunei, akan berangkat ka-Australia dalam bulan ini untuk mendapat latehan pertadbiran di-bawah anjoran Colombo Plan.

Beliau akan berangkat dari Brunei ka-Singapura dengan kapal terbang pada 6 April dan akan berlepas ka-Australia dari Singapura dengan kapal terbang juga pada esok-nya.

Pengiran Rahman berumur 35 tahun akan menghadiri kursus latehan bahagian pertadbiran tanah di-Melbourne sa-lama sa-tahun.

Pengiran Abdul Rahman telah berkhidmat dengan Kerajaan Brunei semenjak 13 tahun dahulu.



Pengiran Abdul Rahman.

Sa-lain dari memegang jawatan Penolong Pegawai Pemungut Hasil Tanah Pengiran Abdul Rahman ia-lah juga sa-orang magistrate.

Dalam tahun 1955 beliau memangku jawatan Penolong Pegawai Penerang Brunei sa-lama enam bulan.

GADIS TERKEMUKA DALAM PEPEREKSaan

BANDAR BRUNEI. — Empat belas orang penuntut dari seluruh Negeri Brunei telah lulus dalam peperiksaan Cambridge School Certificate yang di-adakan dalam bulan December.

Penuntut2 yang lulus itu ia-lah di-antara 22 orang yang memasoki peperiksaan tersebut.

Delapan orang daripada mereka itu ia-lah penuntut2 dari Sultan Omar Ali Saifuddin College, manakala baki-nya ia-lah dari St. Michael School, Seria. Enam belas orang daripada 22 orang yang telah memasoki peperiksaan tersebut ia-lah penuntut2 Sultan Omar Ali Saifuddin College dan yang 6 orang lagi itu ia-lah penuntut2 St. Michael School, Seria.

Ini-lah kali kedua penuntut2 dari Sultan Omar Ali Saifuddin College memasoki peperiksaan Cambridge School Certificate dan kali pertama bagi penuntut2 dari St. Michael School.

Dalam peperiksaan itu, sa-orang sahaja penuntut dari Sultan Omar Ali Saifuddin College telah mendapat kelulusan bahagian pertama, 5 orang bahagian kedua dan 2 orang bahagian ketiga.

Antara penuntut2 dari St. Michael School Seria, 4 orang telah mendapat kelulusan bahagian pertama dan 2 orang bahagian ketiga.

Keputusan penoh peperiksaan tersebut ada-lah seperti berikut:—

Sultan Omar Ali Saifuddin College: Bahagian pertama—Sino binte Umar. Bahagian kedua—Awangku Sani bin Pengiran Ahmad, Hussain bin Daud,

Ranchangan Hari Raya

KUALA BELAIT. — Penduduk2 Kampong Lumut telah mengadakan ranchangan hendak menyambut Hari Raya Puasa yang akan datang ini sa-chara besar2an.

Dalam satu mesuarat yang di-adakan di-rumah Penghulu mereka, Penghulu Anak Adom baharu2 ini penduduk2 kampong itu telah bersetuju hendak mengadakan peraduan2 panchak silat, bachean shaer dan tarian asli dan moden.

Di-antara peraduan yang di-jangka akan menarek perhatian ia-lah pertunjukan pakaian laki2 dan perempuan.

Jawatan kuasa undang2 Islam

BANDAR BRUNEI. — Satu jawatan kuasa Undang2 Syariah telah di-lantek di-negeri ini untuk menyemak dan membaiki undang2 syariah yang ada sekarang.

Di-antara ahli2 jawatan kuasa itu ia-lah kadhi2 di-seluruh negeri.



PUAN SINO BINTI UMAR

Lau Chung Foon, Abdul Razak bin Abdullah dan Jaafar bin Noordin. Bahagian ketiga—Ibrahim bin Mohamed dan Zaharah binte Idris.

St. Michael School, Seria: Bahagian pertama—Biba Prakash Bachee, Chu En Choi, Walter Chu Kwong Hung dan Sheila Virdi. Bahagian ketiga—Han Wan Yuan dan Eleanor Leong Lee Ngoh.

Dalam peperiksaan Cambridge School Certificate tahun 1957, sa-orang penuntut perempuan dari Sultan Omar Ali Saifuddin College, ia-itu Jusnani binte Lawie mendapat kelulusan bahagian pertama.

Sino binte Umar ia-lah penuntut perempuan kedua yang mendapat kelulusan bahagian pertama.

Sino berumur 18 tahun dan telah di-lahirkan di-Labuan. Ia mula belajar di-Sekolah Melayu Kuala Belait, kemudian di-Government English School, Seria dan di-Sultan Omar Ali Saifuddin College di-mana ia telah lulus peperiksaan Sarawak Junior pada tahun 1956.

KUTIPAN ZAKAT DAN FITRAH

BANDAR BRUNEI. — Zakat dan fitrah tahun ini akan di-bayar oleh orang2 Islam penduduk negeri ini kepada pegawai2 mesjid di-seluruh Brunei seperti biasa.

Ini telah di-umumkan oleh Setiausaha Pejabat Ugama Brunei, Pengiran Muda Kamaluddin kepada Pelita Brunei.

Pengiran Kamaluddin berkata kutipan zakat dan fitrah sa-chara rasmi sedang di-uruskan.

Apabila chadangan itu di-terima oleh kerajaan kelak, orang2 Islam akan di-kehendaki membayar zakat dan fitrah kepada amil2 yang di-lantek oleh kerajaan.

Di-denda tidak berpuasa

KUALA BELAIT. — Sa-orang Melayu, Yahya bin Bakar telah di-denda \$10 atau penjara 10 hari oleh Tuan Razali bin Haji Zainuddin, Pemangku Kadhi Besar Brunei dalam Mahkamah Syariah, di-sini pada hari Ithnin 23 March kerana kesalahan merokok pada siang hari dalam bulan puasa.

Yahya telah di-dapati merokok di-hadapan khlayak ramai di-pangpong wayang Seria pada pukul 3 petang.

KEJAYAAN PENUNTUT2 R.S.A. DARI BRUNEI

BANDAR BRUNEI. —Beberapa orang kaki tangan Kerajaan dan penuntut2 Brunei yang memasoki peperiksaan Royal Society of Arts baharu2 ini telah lulus dalam berbagai2 perkara pelajaran.

Keputusan peperiksaan itu ada-lah seperti berikut:

Perengkat Ketiga (bahagian tinggi): terengkas 120 perkataan sa-minit—Helen Ruth Davidson; taipwriting—Helen Liew Thian Khon, Annie Kong dan Mary Yapp.

Perengkat Kedua (Menengah): Book-keeping, John Ho Tze Fui; Inggeris, Sulaiman bin Ahai, Idris bin Haji Ahmad, Mohamed Ali Bakat, Mahmud Bakir, Annie Chan, Puala Chen, Florence Chua, Dionysius Spencer Dremman, Adnan bin Haji Hassan, Zakaria bin Jeneh, Vincent Khoo, Poh Hwa Koh, Yapp Kim Lai, Seng Cheong Leong, Job Lim, Jalil Marsal, Lim Eng Ming, Wan Shafie, Abdul Rahman bin Mohamed Taib, Tan Koon Tiang, Ong Pang Ting dan Philip Wan.

Mohamed bin Mohamed Daud, Lim Ai Fang, Susanna Juhana Goh, Joo Ah Hoon, Mohamed Salleh bin Hidup, William Hottinger, Sheila Janar Danan, Eileen See Siew Keng, Juliana Khoo Doris Chen Yin Kyun, Irene Lonan, Abdul Rahman Mohamed, Yapp Kai San, Sim Tiak San dan Lim Soik Tin.

Terengkas 100 perkataan saminit, Helen Ruth Davidson.

Taipwriting, Helen Liew Khian Khon dan Annie Kong.

Perengkat Pertama (Permulaan): Kira2, Mohamed Yusof bin Haji Ahmad, Mohamed bin Mohamed Daud, Yong Yun Fah,

PERKHIDMATAN KAUM BELAIT

KUALA BELAIT. — Majlis Perkhidmatan Kaum Daerah Kuala Belait akan mengadakan mesuarat agong tahun keenamnya di-Recreation Club di-sini pada pukul 5 petang hari Ithnin ini.

Agenda mesuarat itu ialah meluluskan minit mesuarat agong tahun lepas, menerima penyata pengerusi bagi tahun 1958 dan meluluskan kira2 tahun lepas.

Sa-lain dari melantek pegawai2 baharu mesuarat itu akan menubuhkan jawatan kuasa yang berikut:

- ◆ Jawatan kuasa bantuan am,
- ◆ Jawatan kuasa pemuliharaan orang salah dan budak2 jahat,
- ◆ Jawatan kuasa dermasiswa dar
- ◆ Lembaga pengarah rumah orang miskin.

Teoh Ah Hoon, Chin Yaw Ming, Hafnah bin Salleh, Mohamed Noor Salleh, Mohamed bin Haji Sarudin, Awangku Mohamed Yusof bin Pengiran Sepiuddin.

Sulaiman bin Ahai, Suhaini Awang Besar, Wah Kai Chang, Awangku Mohamed bin Pengiran Chuchu, Wee Liang Foott, Razak bin Haji Ghafar, Adnan bin Haji Hassan, Ahmad Jumat, Lee Joseph Kok Kain, Vincent Khoo, Yap Sook Kiat, Awangku Jaludin bin Pengiran Limbang, Kefli bin Razali, Kassim bin Salleh, Wang Lan Sia, Abdul Rahman bin Mohamed Taib, Kho Boon Tuan, Puasa bin Tudin, Wing Kwai Wah, Philip Wan, Sidek bin Yahya, Hon Wing Yan, Shim Yung Yin dan Jong Jin Kiong.

Inggeris, Arshad bin Ali, Annie Chan, Chee Sin Chen, Awangku Mohamed bin Pengiran Chuchu, Wee Liang Foott, Teo Ah Hoon, Ang Kuang, Huat, Ahmad Jumat, Chin Vui Kheng, Yapp Soo Kiat, Kan Kong, Awangku Mohamed Zain bin Pengiran Lampoh, Mohamed Sharif bin Naweh, Chow Sheh Ping, Basir bin Salleh, Wan Shafie, Saji bin Mohamed Said, Gee Ming Soon, Goh Kim Teck, Lim Kee Tee, Chin Yin Wah, Zaili bin Mohamde Yusof dan Abdul Rahman Mohamed.

Terengkas 50 perkataan saminit, Sorina Chen, dan Jean Theresa Bernadette Clark.

Perengkat Pertama (Permulaan), Wan Yin Lan, Lee Yuk Ngan, Janet Yng Hee Seng, Shirley Moo Shui Tshin, Abdul Rahman Ali, Dorothy Margaret Kuek, Catherine Ho Nyuk Len, Cassius Dyork Mah dan Ahmad bin Tahir.

WORKSHOP BAIKI SEGALA JENIS JENTERA

Alatan welding selamatan wang dan panjangkan umur jentera

Kira2 300 orang kaki tangan Kerajaan Brunei yang berkhidmat dengan Pejabat Kerja Raya ada-lah di-tugaskan bekerja membaiki kerosakan pada kereta2 dan jentera2 yang berat yang di-hantarkan ka-workshop pejabat itu di-Tasek dalam kawasan Bandar Brunei.

Mereka itu membaiki lori, jentera, perata tanah, bulldozer, jentera lipan dan apa jua alatan yang di-gunakan oleh kerajaan dalam kerja pembinaan di-negeri ini.

Membaiki kerosakan pada lori2 yang besar ada-lah kerja biasa sahaja di-workshop itu. Lori2 yang di-hantar ka-workshop dalam keadaan yang burok kerosakan-nya ada-lah di-baikkan dalam beberapa hari sahaja dan di-serahkan balek kepada pejabat2 yang menggunakan-nya dalam keadaan hampir2 seperti baharu rupa-nya.



Kebanyakan kaki tangan workshop itu ia-lah orang Melayu. Mereka telah mendapat latehan menjadi mechanic, fitter, turner, pandai besi, pelarek dan lain2 pekerjaan di-workshop.

Sa-buah kerta rosak yang di-hantarkan ka-workshop itu ada-lah di-pereksa dengan teliti sebelum di-baiki.

Jika perlu jentera-nya akan di-overhaul, badan-nya dicat semula dan sa-belum di-serahkan balek kepada pejabat yang menggunakan-nya di-uji supaya dapat di-akui bahawa kereta itu tidak merupakan satu bahaya di-jalan.

Tetapi satu kelengkapan yang menarek perhatian ia-lah yang di-namakan Quasi Arc Fully Automatic Welding Machine yang telah di-pasang pada awal tahun ini dan di-jangka akan memberantas pembelian jentera2 perata tanah dan bulldozer yang mahal itu.

Suggoh pun Quasi Arc Fully Automatic Machine itu belum lagi tiga bulan di-gunakan ia telah pun menyelamatkan beribu2 ringgit kerana roda2 bagi



Kiri: Lori ini rosak sa-telah berlanggar. Untuk membaiki kerosakan itu lori itu telah di-hantarkan ka-workshop di-Tasek. Hasil-nya ia-lah seperti yang di-terakan di-sabelah kanan. Lori yang rosak itu hampir2 seperti baharu rupa-nya.



Kiri: Kebanyakan kaki tangan workshop itu ia-lah orang Melayu Brunei. Di-sini kelihatan Inche Abbas bin Salleh, sa-orang pandai besi menjalankan tugas-nya bersama dua orang rakan sa-jawat-nya di-workshop itu. Kanan: Sa-buah bulldozer sedang di-baiki di-Workshop Tasek.


jentera2 perata tanah dan bulldozer yang telah rosak sebab lama di-pakai itu tidak perlu lagi diganti dengan barang2 spare seperti sa-belum workshop itu di-lengkapkan dengan Quasi Arc Fully Automatic Welding Machine.

Dengan ada-nya Quasi Arc Fully Automatic Welding Machine itu roda2 itu dapat di-sepok dengan logam yang lebeh keras dan kuat dari besi asal-nya.

Logan itu di-anggarkan dua kali gada kuat-nya dan yang demikian akan menyambung umur roda itu dua kali panjang-nya sa-elah di-sepok.

Oleh sebab kerja pembinaan di-negei ini memerlukan kelengkapan yang berat seperti jentera lipan, satu jentera yang di-namak Rodger Track Press Machine ada-lah juga di-gunakan di-workshop itu.

Jentra Rodger itu membaiki



Ini ia-lah roda jentera2 seperti grader perata tanah dan lain2. Roda itu telah haus sa-telah di-gunakan beberapa lama dan tidak boleh di-pakai lagi tetapi dengan ada-nya alatan Quasi Arc Fully Welding machine, satu jenis logam yang lebeh keras dari besi roda2 itu di-sepokkan. Umur roda itu akan dapat di-panjangkan.

JENTERA ELECTRIC BAHARU

BANDAR BRUNEI.—Sa-buah jentera electric jenis Mirrless yang berharga \$700,000 sedang di-pasang di-jusat electric Bandar ini untuk menambah tenaga kilowatt yang di-keluarkan oleh pusat itu.

Apabila jentera itu siap kelak, tenaga electric dari pusat itu akan bertambah menjadi 2778 kilowatt berbanding dengan 1000 kilowatt pada masa ini.

Juruteria Electric Negeri Bru-

nei, Tian E. Rajaratnam berkata jentera itu ada-lah perlu dipasan untuk membekalkan tenaga electric yang di-kehendaki oleh negeri di-bawah rancangan perkembangan lima tahun pertama.

Jentera2 baharu mungkin di-kehendaki lagi menjelang tahun 1962 mengikut perkembangan negeri. Sa-hingga tarikh itu jentera yang ada sekarang ini akan memadai.

rantai2 yang menjadi alasan bagi roda2 jentera lipan dan bulldozer.

Saperti lain2 workshop yang besar dan cukup lengkap, workshop Pejabat Kerja Raya Brunei sanggup membaiki apa jua jentera yang di-serahkan kepadanya.

Ia mempunyai perkakas pelarek yang moden, crankshaft grinder dan lain2 kelengkapan untuk membaiki jentera2.

Tidak lama lagi workshop itu akan di-lengkapkan dengan ala-

tan menyembur chat besi.

Bulldozer ada-lah di-baiki di-workshop itu, demikian juga jentera diesel yang banyak di-gunakan oleh pejabat2 kerajaan negeri ini.

Sa-lain dari itu workshop itu juga di-lengkapkan dengan alat2 "servicing". Kereta dan lori kerajaan di-hantar kabahagian servicing itu untuk di-bersihkan.

Workshop itu juga membaiki battery2 lama dan battery2 yang sudah lemah tenaga-nya ada-lah di-"charge" di-workshop.

PELITA BRUNEI

Bandar Brunei

Rabu, 1 April, 1959.

**KUASA RA'AYAT
DI-BAWAH
PERLEMBAGAAN**

Berita2 yang di-terima dari London mengenai rundingan perlembagaan yang sedang di-jalankan di-antara rombongan Brunei dengan wakil2 Kerajaan British itu mengandongi laporan yang seluruh-nya menggalakkan harapan bahawa rundingan itu akan berakhir dengan Brunei berjaya dalam tuntutan2-nya.

Tuntutan2 itu timbul dari chita2 Duli Yang Maha Mulia hendak memberi ra'ayat kuasa memerintah sa-telah lebeh lima puluh tahun semenjak perjanjian tahun 1906, kuasa pemerintahan dalam dan luar negeri di-tadbirkan oleh pegawai2 British.

Rundingan itu telah di-mulakan pada 23 March yang lalu dengan Duli Yang Maha Mulia mengetuai perwakilan Brunei yang terdiri dari sembilan orang ahli Majlis Meshuarat Negeri dan sa-orang penasihat undang2, manakala pehak Kerajaan British pula di-ketuai oleh Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan, Tuan Alan Lennox Boyd.

Persidangan itu di-adakan untuk merundingkan satu perlembagaan yang bertulis bagi Negeri Brunei supaya pemerintahan dalam negeri di-kuasai oleh ra'ayat dan berikutan dengan rancangan perlembagaan itu, timbul-lah pula tuntutan2 lain bagi melaksanakan perlembagaan itu kelak.

Pihak British telah bersetuju pada dasar-nya hendak memberi kuasa memerintah dalam negeri kepada Brunei dalam tahun 1957 pada masa rundingan permulaan di-adakan di-London.

Di-bawah perlembagaan itu kelak Brunei akan menubuhkan sa-buah Majlis Meshuarat Undangan ia-itu sa-lain dari beberapa buah Majlis Meshuarat Daerah yang mempunyai ahli2-nya di-pileh oleh ra'ayat menerusi pilihan raya bagi majlis2 itu.

Majlis Meshuarat Diraja dan Majlis Meshuarat Kerja ada-lah majlis2 baharu bagi Brunei tetapi Majlis Meshuarat Undangan itu merupakan lanjutan kepada Majlis Meshuarat Negeri yang di-bawah perlembagaan itu ahli-nya yang tidak rasmi yang menjadi ahli2 Majlis Meshuarat Daerah yang di-pileh oleh ra'ayat menerusi pilihan raya itu akan berlebeh bilangan-nya dari ahli2 rasmi.

Apabila peratoran itu berjalan kelak, maka tidak-lah dapat hendak di-nafikan bahawa ra'ayat walau pun sa-chara tidak langsung akan mempengaruhi Majlis Meshuarat Undangan yang bertanggung jawab menggubal dan meluluskan undang2 negeri untuk kesempurnaan negara dan kebahagiaan ra'ayat.

**Rundingan berjalan dengan lichen dan memuaskan
BRITAIN LULUSKAN CHADANGAN
WAKIL2 BRUNEI**

Rombongan perlembagaan Brunei yang di-ketuai oleh Duli Yang Maha Mulia itu telah memulakan rundingan-nya di-London dengan wakil2 Pejabat Tanah Jajahan British pada 23 March yang lalu dan di-jangka akan tamat dalam minggu ini.

Rundingan itu telah berjalan dengan lichen dan memuaskan dan hampir semua tuntutan2 Brunei mengenai perlembagaan dan satu perjanjian baharu untuk menggantikan perjanjian tahun 1906 itu telah di-persetujui oleh Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan, Tuan Alan Lennox Boyd yang mempengerusikan persidangan itu.

Chadangan hendak memben-tok satu pemerintahan baharu itu menyinggong perhubungan Brunei dengan Britain yang telah ditetapkan oleh perjanjian tersebut.

Brunei menuntut supaya perjanjian itu di-kaji sa-mula untuk membolehkan Brunei memerintah sendiri dengan pegawai2 British menjadi penasihat.

Brunei telah di-perentahkan sa-bagai sa-buah tanah jajahan dan kuasa pertadbiran di-serahkan kepada sa-orang pegawai British yang di-gelar British Resident.

Persidangan yang berjalan sekarang ini ia-lah lanjutan kepada rundingan permulaan yang di-adakan di-London dalam bulan September 1957 apabila Duli Yang Maha Mulia menuntut supaya Britain mengkaji sa-mula perhubungan-nya dengan Brunei dan Brunei di-perentahkan di-bawah satu perlembagaan.

Dalam tuntutan itu baginda telah juga mengemukakan chita2-nya hendak memberi kuasa memerintah kepada ra'ayat menurut perlembagaan itu.

Chadangan itu telah di-terima oleh Kerajaan British pada dasar-nya dan rundingan telah di-adakan di-Brunei dengan Pesuruh Jaya Tinggi Brunei dan British Resident sa-bagai menjelaskan hasrat Duli Yang Maha Mulia.

Brunei maseh belum mempunyai satu perlembagaan yang bertulis. Pemerintahan-nya sa-bagai sa-buah tanah jajahan itu ada-lah berlawanan dengan perjanjian tahun 1906 yang mengakui kebebasan dan kedaulatan negeri ini.

Perlembagaan yang di-chadangkan bagi Brunei itu ia-lah langkah pertama ka-arrah kebebasan penuh dalam lengkungan Commonwealth seperti yang te-

lah di-chapai oleh Persekutuan Tanah Melayu dan lain2 tanah jajahan British yang telah merdeka sa-lepas perang dunia kedua.

Brunei berchita2 hendak mendapatkan sa-mula kedaulatan dan kebebasan itu dan mengikut pendapat Duli Yang Maha Mulia kemajuan ka-arrah kemerdekaan penuh itu hendak-lah di-chapai menerusi satu perlembagaan yang memberi kuasa memerintah sendiri kepada ra'ayat.

Pendapat ini telah di-sokong kuat oleh ra'ayat yang berpendapat bahawa mereka telah layak memerintah sendiri supaya kemajuan ekonomi dan sosial yang telah di-chapai hanya dalam beberapa tahun sahaja sa-lepas perang dunia kedua dapat di-majukan lagi.

Ra'ayat juga mendesak pemerintahan sendiri kerana hendak meninggikan lagi kema'moran negeri dan kebahagiaan ra'ayat dimasa hadapan.

Pemerintahan sendiri itu hanya dapat di-laksanakan menerusi perlembagaan yang akan membenarkan ra'ayat memilih wakil2 mereka menduduki kerusi2 majlis2 meshuarat menerusi pilihan raya.

Tuntutan2 Brunei itu tidak akan di-siasikan oleh Kerajaan British kerana tuntutan2 itu ada-lah hak dan sederhana.

"Saya yakin bahawa tuntutan2 itu akan di-luluskan oleh Kerajaan British dan keyakinan itu ada-lah di-sokong oleh rombongan dan kepercayaan seluruh ra'ayat bahawa masa-nya telah sampai bagi langkah pertama itu di-ambil," kata baginda.

Tuntutan2 itu telah di-kaji oleh Tuan Lennox Boyd yang berkata hanya sedikit sahaja lagi soal2 besar yang belum di-selesaikan.

Satu dari perkara2 yang akan di-selesaikan ia-lah masa bagi lantikan sa-orang Menteri Besar untuk mengetuai pertadbiran negeri.

Jawatan Menteri Besar itu telah di-persetujukan untuk di-adakan supaya kuasa British Resident dapat di-serahkan kepada sa-orang Melayu Brunei kelak.

Sungguh pun masa lantikan itu belum lagi dapat di-tetapkan tetapi Tuan Lennox Boyd telah memberi jaminan bahawa walau apa jua yang akan di-persetujukan berkenaan dengan lantikan itu yang mustahak ia-lah ante-kam itu di-buat kerana kepentingan Brunei dan jawatan yang penting itu di-penohi oleh sa-orang yang sa-suai dan layak

menjalankan tanggung jawab jawatan itu.

Dalam hal ini rombongan itu mungkin bertolak ansor supaya satu keputusan yang tidak mengganggu kehormatan kedua pihak dapat di-chapai.

Soal kera'ayatan ada-lah juga di-bincangkan dalam rundingan itu. Ini ia-lah untuk menentukan hak ra'ayat dalam pemerintahan.

Rundingan itu akan juga menentukan syarat2 mengenai pilihan raya dan kelayakan ahli2 dalam Majlis Meshuarat Undangan, Majlis Meshuarat Kerja.

"Sa-kira-nya ada perselisihan dalam hal ini perselisihan itu sangat tipis dan tidak shak lagi akan dapat di-selesaikan oleh satu jawatan kuasa dari kedua pihak yang telah di-bentuk untuk membincangkan perkara itu," kata Tuan Lennox Boyd.

Kuasa Pesuruh Jaya Tinggi Brunei mungkin di-serahkan terus kepada Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan. Rombongan itu menuntut supaya jawatan Pesuruh Jaya Tinggi itu di-hapuskan dan kuasa-nya di-kaji sa-mula.

Dalam hal ini Tuan Lennox Boyd telah membayangkan :

"Sa-kira-nya kuasa Pesuruh Jaya Tinggi itu tidak di-sebut dalam perlembagaan kuasa itu akan di-tentukan dalam perjanjian baharu yang akan menetapkan perhubungan Brunei dengan Britain.

Pertahanan negeri akan di-uruskan oleh British seperti sekarang ini. Ini ada-lah satu perkara yang tidak dapat di-elakkan sa-lagi Brunei menjadi sa-buah negeri naungan British.

Keperchayaan bahawa rundingan itu akan berakhir dengan kejayaan ada-lah di-bayangkan dalam satu laporan yang di-terima dari London. Laporan itu menegaskan :

"Persetujuan telah di-chapai atas perkara2 besar dan sungguhpun rombongan itu tidak mendapat kejayaan 100 peratus tetapi hasil-nya ada-lah memuaskan :

Keputusan2 yang di-chapai dalam persidangan itu akan di-jadikan syarat dalam perlembagaan yang kini sedang di-rangka sa-mula oleh satu badan kerja yang terdiri dari pakar2 undang2 dari Pejabat Tanah Jajahan dan rombongan perlembagaan Brunei.

Butir2 perlembagaan itu akan di-ishtiharkan dengan sa-chepat mungkin sa-lepas rombongan itu balek ka-Brunei, dan apabila di-umumkan kelak peratoran pilihan raya bagi Majlis Meshuarat Daerah yang telah di-gantong berikutan dengan tindakan Party Ra'ayat memulaukan pilihan raya itu di-jangka akan di-kuatkuasakan sa-mula.

Ra'ayat ranchangkan perayaan menyambut DYMM

BANDAR BRUNEI. — Penduduk2 negeri ini akan mengadakan sambutan sa-chara besar2an ketika Duli Yang Maha Mulia dan rombongan perlembagaan balek dari London kelak.

Achara sambutan itu telah di-susun oleh Jawatan Kuasa Tadbir Perangkatan Duli Yang Maha Mulia dan di-ketuai oleh Pemangku Raja, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara.

Duli Yang Maha Mulia dan beberapa orang ahli Majlis Mesuarat Negeri telah berangkat ka-London pada 14 March untuk mengadakan rundingan atas perlembagaan yang bertulis bagi Negeri Brunei dengan Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan British, Tuan Alan Lennox Boyd.

Baginda dan rombongan itu di-jangka akan balek sa-belum Hari Raya Puasa ini.

Sambutan itu akan di-adakan di-kawasan hadapan bangunan pejabat2 Kerajaan di-Jalan Elizabeth Kedua di-sini. Kawasan itu akan di-hiasi dan beberapa buah pintu gerbang akan di-bena.

Rombongan itu akan di-sambut di-lapangan terbang Brunei oleh Pemangku2 Raja, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara dan Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Haji Mohamed Salleh, Pemangku British Resident Brunei, Yang Berhormat Tuan E. W. Cousens, ahli2 Majlis Mesuarat Negeri dan pembesar2 negeri.

PEGAWAI PENERANGAN KA-AMERIKA

BANDAR BRUNEI. — Satu dermasiswa untuk melawat seluruh Amerika Sharikat sa-lama hampir dua bulan telah di-tawarkan oleh Kerajaan Amerika Sharikat kepada Yang Berhormat Pengiran Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Pengiran Yusuf, sa-orang ahli Majlis Mesuarat Negeri dan Pegawai Penerangan Brunei sekarang ini berada di-London sa-bagai sa-orang anggota rombongan yang sedang merundingkan satu perlembagaan yang bertulis bagi Negeri Brunei dengan Kerajaan British.

Beliau akan berlepas ka-Amerika Sharikat dari London esok.

Sa-lama di-Amerika Pengiran Yusuf di-jangka akan memberi sharahan dan penerangan berkenaan dengan negeri ini di-kota2 yang akan di-lawati-nya.

Pengiran Yusuf akan balek ka-Brunei melalui Hawaii dan Jepun. Di-Hawaii ia akan tinggal sa-lama tiga hari dan di-Jepun 7 hari. Dari Jepun beliau akan singgah di-Hongkong dan Manila.

Beliau di-jangka sampai di-Brunei pada awal bulan June.

Dari lapangan terbang baginda dan rombongan itu akan berangkat ka-bandar.

Murid2 sekolah akan berdiri di-kiri kanan jalan raya yang akan di-lalui oleh baginda dari Jalan Kumbang Pasang ka-hadapan bangunan pejabat2 kerajaan. Mereka itu akan melambai2kan bendera Brunei sa-bagai tanda mengucapkan selamat balek kepada baginda dan rombongan itu.

Ra'ayat akan di-hiborkan selama dua malam dengan temasha aneka warna di-padang bandar.

Berbagai2 permainan seperti silat, zapin, hadrah, bubu, wayang gambar, wayang China akan di-adakan.

Sa-lain dari itu peraduan membacha Koran dan lumba perahu di-Sungai Brunei juga akan di-adakan.

Penduduk2 bandar ini ada-lah di-minta mengibarkan bendera yang di-akui oleh kerajaan dan berchuchul pada malam hari.

Jawatan Kuasa Tadbir itu telah juga bersetuju hendak mengadakan jamuan teh pada siang hari dan jamuan makan kechil pada sa-belah malam.

Hari baginda dan rombongan itu sampai ka-Brunei mungkin di-jadikan hari kelepasan di-seluruh negeri.

Untuk menguruskan permainan dan jamuan yang di-ranchangkan itu satu jawatan kuasa kechil telah di-bentuk.

BINTANG SANDIWARA



Di-atas ini ia-lah wajah Puan Jean Clark, sa-orang dari beberapa orang gadis jelita yang akan memperdengarkan suara merdunya dalam Sandiwara Aneka Warna Semua Bangsa di-dewan Civic Centre, Bandar Brunei pada 11 dan 12 April.

Sandiwaranya itu di-anjorkan bersama oleh Pejabat Penerangan Brunei dan Radio Brunei dengan kerjasama sharikat Brunei Shell dan lain2 pejabat kerajaan kerana hiburan Hari Raya Puasa.

Sandiwaranya itu ia-lah juga kerana menyambut ulang tahun kedua pembukaan Radio Brunei dan pembukaan Civic Centre

yang berharga hampir \$900,000 itu.

Duli Yang Maha Mulia ia-lah penaung sandiwara tersebut. Wang dari jualan teket akan diserahkan kepada Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei untuk kebajikan pemuda pemudi.

Teket2 sedang di-jual.

PERADUAN BACHAAN, TAFSIRAN KORAN

BANDAR BRUNEI. — Malam penyambutan turun-nya kitab suci Islam, Al-Koran, yang julong2 kali di-adakan di-Brunei telah di-langsungkan di-Masjid Omar Ali Saifuddin di-sini pada malam Juma'at yang lalu.

Antara achara2 yang di-adakan ia-lah praduan membacha Al-Koran dan tafsiran-nya.

Peraduan itu telah di-anjorkan oleh satu jawatan kuasa. Ahli2-nya terdiri dari penuntut2 ugama Brunei di-luar negeri ia-itu di-Aljunid Islamic School, Singapura dan Kolej Islam, Malaya.

Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Haji Mohamed Salleh, Kadhi Besar Brunei dan Pemangku Raja telah menghadiri peraduan itu sa-bagai penaung.

Dalam ucapan sambutan-nya Yang Amat Mulia itu telah menyatakan bahawa beliau berasa besar hati dapat bersama menyaksikan peraduan tersebut.

Pada siang hari peraduan bacha Korean peringkat pertama kerana memilih empat orang dari peserta laki2 dan empat orang kanak2 laki2 telah di-adakan di-masjid itu.

Mereka yang terpilih ia-lah (dewasa), Abdul Hamid bin Pehin Setia Pahlawan, Abdul Rahim bin Haji M. Said, Pengiran Mahidi bin Pengiran Umar dan Mohamed Yusuf bin Pehin Udana Khatib Haji Sulaiman.

Kanak2 yang terpilih ialah Mohamed Jali bin Abdul Latif, Ali Akbar bin Abu Bakar, Sahari bin A. Hussein dan Umar bin Haji Serudin.

Keputusan bagi peringkat terakhir ada-lah seperti berikut: Bahagian dewasa—Pengiran Mahidi bin Pengiran Umar, pertama, Abdul Rahim bin Haji M. Said, kedua dan Abdul Hamid bin Pehin Setia Pahlawan, ketiga.

Bahagian kanak — Sahari bin Awang Hussein, pertama, Mohamed Jali bin Abdul Latif, kedua dan Umar bin Taji Serudin, ketiga.

Hadih2 telah di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar.

Luka2 pada leher

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang penanam padi, Jalil bin Mail, berumur 45 tahun telah di-jumpai dengan luka2 pada lehernya di-Limpasong, Limbang, baharu2 ini.

Peranan penting bagi kaum ibu

BANDAR BRUNEI. — Kaum ibu Negeri Brunei di-jangka akan mengambil bahagian penting dalam pemerintahan negeri apabila perlembagaan baharu yang bertulis itu di-kuatkuasakan kelak.

Telahan ini telah di-buat oleh sa-orang kaum ibu negeri ini yang berpendapat bahawa pilihan raya yang akan di-jalankan di-bawah perlembagaan itu akan memerlukan tenaga kaum ibu.

Di-bawah perlembagaan itu kaum ibu akan di-kehendaki me-

ngundi untuk memilih wakil2 mereka dalam majlis2 meshuarat seperti Majlis Meshuarat Daerah dan Majlis Meshuarat Undangan.

Suara kaum ibu dalam majlis2 itu akan sama perlu-nya dengan suara kaum bapa.

Perlembagaan itu akan juga membenarkan kaum ibu bertanding dalam pilihan raya kerana majlis2 meshuarat.

Ini akan meninggikan lagi taraf kaum ibu kerana apabila terpilih kelak kaum ibu yang akan menduduki kerusi2 majlis2 meshuarat itu akan dapat membela hak2 wanita yang sa-benar-nya.

Penyertaan kaum ibu ada-lah juga mustahak kerana kesempurnaan apa jua rancangan yang di-anjorkan oleh kaum bapa kerana kemajuan masharakat.

Dalam hal ini kaum bapa ada-lah di-minta menggalakkan kaum ibu mengambil bahagian yang lebeh banyak dalam lapangan masharakat asalkan penyertaan itu tidak melanggar batasan ugama dan tata tertib pergaulan.

Pimpinan dan panduan dari kaum bapa ada-lah juga perlu jika mereka berkehendakkan kaum ibu Melayu negeri ini maju seperti kaum ibu lain2 bangsa.

Kaum ibu Melayu telah jauh di-tinggalkan di-belakang oleh kaum ibu lain2 bangsa.

Ini ia-lah akibat kaum ibu Melayu tidak mahu champor tandingan dalam apa jua lapangan kemajuan pada masa yang lalu.

MAJLIS BACHAAN KORAN AL-KARIM

LIMBANG. — Satu majlis bachaan koran al-karim telah diadakan di-Mesjid Limbang pada malam 21 March yang lalu dengan mendapat sambutan yang baik.

Di-antara orang yang hadir di-majlis tersebut ia-lah 30 orang dari Brunei. Mereka telah tiba di-sini dengan menaiki perahu2 motor sangkut pada malam itu dan telah balek ka-Bandar Brunei pada awal pagi 22 March.

Satu rombongan dari Limbang mungkin datang ka-Bandar Brunei untuk mengambil bahagian dalam majlis bachaan koran di-Mesjid Omar Ali Saifuddin dalam bulan puasa ini.

KURSUS PEMUDA UNTUK PEMUDA BRUNEI

KUALA BELAIT. — Enam orang pemuda Brunei mungkin di-hantar ka-Kuching, Sarawak, dalam bulan ini kerana mendapat latehan menjadi pemimpin pergerakan pemuda pemudi yang akan di-adakan oleh Majlis Pemuda Pemudi Sarawak.

Kursus itu akan berjalan selama enam minggu dan akan di-hadiri oleh pemuda2 dari Borneo Utara sa-lain dari pemuda2 dari Sarawak dan Brunei.

Keputusan hendak menghantar enam orang pemuda untuk mendapat latehan itu telah di-ambil oleh Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei dalam persidangannya di-Recreation Club, di-sini baharu2 ini.

Rombongan enam orang itu akan terdiri dari dua orang pemuda Kuala Belait dan empat orang pemuda Brunei.

Soal menghantar pemudi Brunei ka-Kuching untuk mendapat latehan menjadi pemimpin pergerakan pemuda pemudi sedang di-selenggarakan oleh Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei.

Majlis itu telah bertanya kepada pihak yang berkuasa di-Kuching sama ada kursus itu boleh di-hadiri oleh pemudi.

Bayaran kerana hadir dalam kursus sa-lama enam minggu itu ia-lah \$12 sa-hari bagi sa-orang. Bayaran itu tidak termasuk bayaran daftaran yang di-kenakan atas kadar sahaja.


Bayaran kerana latehan itu mungkin di-dapati dari Jabatan Kebajikan, Pejabat Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Negeri.

Permintaan kerana bantuan itu telah pun di-kemukakan oleh Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei kepada Ketua Pejabat Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Negeri Brunei.

Peperiksaan guru

BANDAR BRUNEI. — Peperiksaan guru2 pelateh sekolah2 ugama Brunei akan di-adakan di-sekolah perempuan Raja Isteri Fatimah, di-sini pada 2 dan 3 May akan datang ini.

Kira2 30 orang guru pelateh akan memasoki peperiksaan itu.



Sa-belum berangkat ka-London kerana mengetuai rombongan perlembagaan itu Duli Yang Maha Mulia telah menziarahi makam Diraja. Di-sini beginda kelihatan merenjiskan ayer asah2an.

"KAUM IBU SUDAH LAMA DI-BERI KEBEBASAN"

BANDAR BRUNEI. — Kebebasan gadis2 Melayu dari kurongan rumah tangga ada-lah satu perkara yang maseh hebat di-binchangkan di-sisi ibu bapa di-negeri ini.

Perkara ini tidak harus menjadi perbincangan lagi kerana kaum perempuan telah mendapat kebebasan yang sa-benar-nya sa-baik sahaja ugama Islam dibawah pimpinan Nabi Muhammad s.a.w. munchul di-dunia.

Puan Zaitunah, sa-orang pemimpin wanita Negeri Brunei menerangkan di-bawah ini kemajuan yang telah di-chapai oleh kaum perempuan pada zaman yang silam.

"Pada zaman jahilliah sa-belum Nabi Muhammad s.a.w., kanak2 perempuan ada-lah di-tanam hidup2 sa-telah lahir ka-dunia. Kaum zaman itu berpendapat bahawa anak2 perempuan itu menyusahkan sahaja.

"Kaum perempuan di-pandang rendah dan mereka itu tidak dihargakan walau sa-pichis pun.

"Tetapi apabila zaman gemilang keislaman bersinar dibawah anjoran Nabi s.a.w. adat yang sangat menyalahi peribadi manusia itu di-hapuskan oleh baginda dengan penerangan2 yang chukup menarek.

"Sa-belum itu kaum wanita hidup terkurong di-rumah kerana jika di-bebaskan nanti harus mala petaka dan keburokan akan berlaku.

"Keadaan yang demikian itu maseh terdapat di-kalangan

wanita2 kampung yang tidak mengetahui selok belok asalnya mengapa wanita itu pesti di-kurong," kata Puan Zaitunah.

"Anak2 perempuan di-kampung tidak di-beri pelajaran sama ada pelajaran ugama mahu pun pelajaran untuk kemajuan masharakat. Mereka akan tinggal di-dalam kejahilan dan kebodohan jika keadaan itu di-biarkan berpanjangan.

"Seperti zaman yang sentiasa berubah maju itu, kaum wanita juga hendaklah mara kahadapn dan menyedari tanggung jawab mereka," kata Puan Zaitunah.

Puan Zaitunah menyeru agar kaum wanita sanggup berganding tangan dengan kaum laki2, berani berkorban di-garis hadapan dan sedia berkechimpong dilapangan politik dan selok belok tanggung jawab mereka terhadap masharakat umum.

Dalam pergerakan politik dan lain2 tanggung jawab yang berat, kaum perempuan hendaklah mengambil tuladan daripada Saiditina Aishah, isteri Nabi s.a.w. yang telah terkemuka memberi penerangan dalam hal keislaman, peperangan dan siasah.

Gerakan Saiditina Aishah itu telah di-ikut oleh wanita Mesir.

"Wanita Mesir hari ini ada-lah satu kaum wanita yang benar mengetahui dan menyedari akan tanggung jawab mereka terhadap negara, kata Puan Zaitunah.

PASOKAN BRUNEI MENANG LUMBA PERAHU

MUARA. — Royal Brunei Yatch Club telah memenangi piala Dusty Millar Cup dalam pertandingan lumba perahu antara kelab2 perahu di-Borneo British yang di-langsungkan disini pada hari Ahad lepas.

Pertandingan itu di-adakan selama tiga hari dan lain2 kelab yang telah mengambil bahagian ia-lah Jesselton Yatch Club, Sandakan Yatch Club dan Miri-Belait Boat Club.

Semua-nya 12 perlumbaan telah di-adakan dalam suasana muhibbah dan persahabatan.

Piala pertandingan lumba perahu di-antara kelab2 itu telah di-menangi oleh Jesselton Yatch Club yang telah mendapat 187½ mata. Piala itu telah di-hadiahkan oleh Yang Berhormat Tuan R. E. Hales.

Dengan mata yang sa-banyak Jesselton telah menjadi johan perlumbaan dan Royal Brunei Yatch Club menjadi naib johan dengan mendapat 163½ mata, Sandakan Yatch Club 162 mata dan Miri-Belait Boat Club 159 mata.

Dalam perlumbaan kerana merebutkan piala Dusty Millar Cup Royal Brunei Yatch Club telah mendapat 16½ mata, Jesselton Yatch Club dan Miri Belait Boat Club 16 mata dan Sandakan Yatch Club 11 mata.

Pegawai2 agama

BANDAR BRUNEI. — Majlis Agama Brunei telah meluluskan amaran hendak mengadakan orang penyelia dan sa-orang inspector agama kerana perkembangan pelajaran agama Islam di-negeri ini.

Majlis itu telah juga meluluskan jawatan 15 orang guru lagi untuk sekolah2 agama bagi tahun ini.

Hadiah2 itu telah di-sampaikan kepada ketua2 pasokan yang telah berjaya oleh Ketua Royal Brunei Yatch Club, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Mohamed di-bangunan Royal Brunei Yatch Club di-Bandar Brunei.

Para peserta telah di-ra'ikan di-Royal Brunei Yatch Club dalam satu majlis sosial pada malam Ithnin.

KETUA P.W.D. BERSARA

BANDAR BRUNEI. — Tuan G. T. Myles, Ketua Pejabat Kerja Raya Brunei telah di-ra'ikan dalam satu majlis makan di-Brunei Hotel di-sini pada malam Juma'at lepas oleh kaki tangan pejabat-nya.

Tuan Myles yang telah berkhidmat dengan Kerajaan Brunei sa-lama tujuh tahun akan bersara pada hujung bulan ini.

Tuan O. Vitte, Penolong Jurutera Negeri telah juga di-ra'ikan dalam majlis tersebut. Tuan Vitte yang bekerja di-bawah perjanjian sa-lama tiga tahun telah balek ka-Australia dengan kapal "Perak" sa-malm.

Lebih 100 orang telah hadir dalam majlis itu.

PASOKAN KUALA BELAIT KEJUTKAN SERIA S.R.C.

SERIA. — Pasokan pingpong Recreation Club, Kuala Belait telah mengejutkan pasokan pingpong Shell Recreation Club yang di-kalahkan-nya dalam pertand-

ngan2 yang di-adakan baharu2 ini di-sini.

Dalam pertandingan itu Recreation Club, Kuala Belait telah menang 5 permainan manakala Shell Recreation Club 4 permainan.

Pemain2 yang mengambil bahagian (nama2 pemain K.B.R.C. terdahulu) ia-lah :

Single : Chu Sing Fatt kalahkan John Leong, Pengiran Hidup di-kalahkan oleh Y. Y. Yung, Francis Wong di-kalahkan oleh C. Y. Ng, Sim Teck Mong kalahkan K. C. Wee, Chu Sing Fatt kalahkan T. L. Wong, George Chia kalahkan C. C. Foo.

Double : Chu Sing Fatt dan Pengiran Hidup di-kalahkan oleh John Leong dan T. L. Wong, Sim Teck Mong dan Francis Wong di-kalahkan oleh C. Y. Ng dan C. C. Foo, Chu Sing Fatt dan George Chia kalahkan Y. Y. Yung dan K. C. Wee.

PERLAWANAN TENNIS SA-BRUNEI

KUALA BELAIT. — Pertandingan tennis seluruh negeri akan mula di-jalankan dalam minggu pertama bulan ini kerana merebutkan gelaran johan terbuka bahagian single dan double.

Majlis Sukan Daerah Belait yang telah mengumumkan pertandingan itu berkata bahawa sa-orang yang hendak mengambil bahagian akan di-kenakan bayaran sa-banyak \$2.50 atas satu2 bahagian.

Ini-lah kali pertama pertandingan sa-chara seluruh negeri di-adakan di-Brunei. Dalam masa yang sudah2 pertandingan itu di-adakan hanya sa-chara kawasan akibat kesusahan perhubungan.

Pusingan permulaan akan di-jalankan sa-rentak di-Bandar Brunei dan Seria.

Sa-kira-nya ahli tennis Bandar Brunei di-kehendaki berlawan dengan sa-orang ahli dari Daerah Belait pertandingan itu akan di-adakan pada hujung minggu tempat pertandingan itu akan di-tetapkan oleh jawatan kuasa pertandingan.

Pasokan Basketball Chung Hwa ka-K.B.

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Basket Ball Chung Hua Middle School, Bandar Brunei akan melawat ka-Seria dan Kuala Belait sa-lama dua hari dari hari Ithnin 6 April.

Pada petang 6 April, pasokan tersebut, bahagian laki2 dan perempuan akan melawan Sekolah Chung Ching Middle School, Seria, dan pada petang 7 April pula, mereka akan melawan Sekolah Chung Hua Middle School, Kuala Belait.

Pasokan itu akan balek ka-Bandar Brunei pada pagi hari Rabu 6 April.

Sukan antara kampung dan pertubohan pemuda

KUALA BELAIT. — Sukan antara kampung dan pertubohan pemuda pemudi seluruh negeri akan di-adakan dari bulan June hadapan ini kerana merebutkan hadiah berbagai2 permanan.

Pertandingan sukan itu akan di-anjorkan oleh Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei.

Permainan2 yang di-chadangkan oleh majlis itu ia-lah bola sepak, badminton, pingpong dan berenang.

Pertandingan akhir bagi satu2 permainan itu akan di-adakan dalam kelepasan Hari Raya Haji yang akan datang.

Kampung2 dan pertubohan2 pemuda pemudi yang hendak memasuki pertandingan2 tersebut ada-lah di-minta berhubung dengan setiausaha Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei, c/o Pejabat Penerangan, Bandar Brunei.

"Bolkiah" masok limbongan

BANDAR BRUNEI. — Kapal "Bolkiah" yang berulang alek belayar di-antara Brunei dengan Labuan membawa penumpang2 itu telah di-tarek dari perkhidmatan sa-lama tiga minggu mulai 7 March lepas.

Kapal itu telah di-hantar ka-limbongan kapal di-Kuching untuk di-pereksa.

Rombongan cricket Brunei di-Sabah

BANDAR BRUNEI. — Satu rombongan pemain2 cricket Brunei sedang melawat ka-Borneo Utara kerana bermain dengan pasokan2 criket di-negri itu.

Untuk membayar tambang pergi balek dan perbelanjaan sa-lama di-Borneo Utara tiket2 loteri di-bawah anjoran Brunei Sports Club telah di-jual.

Chabutan kerana memenangi beberapa hadiah, termasuk sa-buah peti radio akan di-jalankan pada 4 haribulan ini.



Ahli2 pasokan basket ball perempuan sekolah Chung Hwa Middle School, Bandar Brunei di-ketuai oleh Puan Ong Lee Ching yang berdiri di-seluruh jurulatah-nya.

RANCHANGAN MELAYU RADIO BRUNEI

RABU, 1 APRIL

Siaran tengah hari

- 12.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
- 12.32 Lagu2 persembahan Orkes Melayu Bukit Siguntang.
- 1.00 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 1.05 Lagu2 hiboran.
- 1.30 Rehat.

Siaran malam

- 6.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
- 6.32 Irama menjelang berbuka puasa.
- 7.01 Lagu2 hiboran.
- 7.15 Cherita pendek — menyiarkan cherita2 yang di-terima dari pendengar2 — Penerbit: Jamil Abdullah.
- 7.30 "Tahniah dan ucapan selamat" — di-terbitkan oleh: P. Muhammad.
- 8.00 Bintang Malam.
- 8.15 Ranchangan kaum ibu oleh Halimah Husin.
- 8.30 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 8.45 Hiboran.
- 9.00 Siaran Melayu tamat.

KHAMIS, 2 APRIL

Siaran tengah hari

- 12.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
- 12.32 Lagu2 hiboran.
- 12.45 Lagu irama baharu.
- 1.00 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 1.05 Lagu2 Mesir.
- 1.30 Rehat.

Siaran malam

- 6.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
- 6.32 Irama menjelang berbuka puasa.
- 7.01 Bachaan Koran.
- 7.15 Sharahan agama.
- 7.30 Kasidah dan lagu2 Mesir.
- 7.45 Islam di-zaman nabi2 — satu renchana mengesahkan perkembangan Agama Islam di-zaman nabi2 — di-terbitkan oleh Yusoff Haji Abd. Kadir.
- 8.00 Pilihan lagu2 Mesir.
- 8.15 Pelajaran agama di-udara oleh Che'gu Salleh.
- 8.30 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 8.45 Hiboran.
- 9.00 Siaran Melayu tamat.

JUMA'AT, 3 APRIL

Siaran tengah hari

- 12.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
- 12.32 Bachaan Koran dan sharahan agama.
- 1.00 Sembahyang Juma'at di-Masjid Omar Ali Saifuddin.
- 1.30 Rehat.

Siaran malam

- 6.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
- 6.32 Irama menjelang berbuka puasa.
- 7.01 Hiboran.
- 7.15 "Lama dan baharu" — Di-terbitkan oleh Dk. Intan.
- 7.30 Hiboran oleh pancharagam tempatan (ulangan).
- 8.00 Lagu2 permintaan suka ramai oleh Dk. Intan.
- 8.30 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 8.45 Meninjau ka-luar negeri oleh P. Muhammad.
- 9.00 Siaran Melayu tamat.

SABTU, 4 APRIL

Siaran tengah hari

- 12.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
- 12.30 Lagu2 hiboran.
- 12.45 Pilihan lagu2 suka ramai persembahan Orkes Irama Agong.
- 1.00 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 1.05 Lagu2 permir on hujung minggu — Jamil Abdullah.
- 1.30 Rehat.

Siaran malam

- 6.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
- 6.32 Irama menjelang berbuka puasa.
- 7.01 "Majallah Radio" di-terbitkan oleh Jamil Abdullah.
- 7.30 Lagu2 pilihan sendiri — Sa-orang pendengar di-jemput datang ka-Studio untuk memilih lagu2 kesukaan nya-Penerbit: Yusoff Haji Abd. Kadir.
- 8.00 Ruangan kanak2 — diterbitkan oleh Halimah Hussin.
- 8.30 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 8.45 "Tidor lah Intan" — diterbitkan oleh Jamil Abdullah.
- 9.00 Siaran Melayu tamat.

AHAD, 5 APRIL

Siaran tengah hari

- 12.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
- 12.32 Hiboran oleh Orkes Lima Serangkai — dbp. Sharif Ismail Basil Malujang.
- 1.00 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 1.05 Lagu2 dari Film.
- 1.30 Cherita Pendek (Siaran Ulangan).
- 1.45 Ruangan Mana Suka.
- 2.00 Tamat.

Siaran malam

- 7.00 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
- 7.01 Lagu2 Masir — Penerbit: Yusoff Haji Abd. Kadir.
- 7.15 Ruangan Masak2an — Penerbit: Halimah Hussein.
- 7.30 Lagu2 Permintaan suka ramai oleh Dk. Intan.
- 8.15 Ruangan bahasa dan kesusasteraan — Penerbit Jamil Abdullah.
- 8.30 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 8.45 Hiboran.

DARUL ISLAM MINTA PERDAMAIAN PERANG

JAKARTA. — Wakil2 pemberontak Darul Islam di-Sumatra di-jangka menghantar satu rombongan kepada kerajaan pusat tidak lame lagi, kata sharikat berita Antara.

Antara berkata bahawa berikutan dengan satu rebutan kuasa di-kalangan pemberontak di-Acheh baharu2 ini puak Darul Islam mungkin meminta supaya satu rundingan di-adakan.

Antara berkata bahawa Gabnor Acheh, Tuan Hashmi telah mengumumkan satu rundingan di-antara kerajaan dan pemimpin2 pemberontak sudah pun di-jalankan.

Pemimpin puak Darul Islam di-kawasan itu telah mengangkat sumpah hendak mendapatkan satu penyelesaian sa-chara aman terhadap perselisihan dengan kerajaan pusat.

Lieutenant Colonel Sjamaun Gaharu di-jangka akan menghantar laporan berkenaan dengan suasana di-Acheh itu kepada Ketua Turus Tentera, Lieutenant General Abdul Haris Nasution.

Antara ada-lah juga memberitakan bahawa satu perhimpunan ramai mengandongi 30,000 orang di-ibu kota Acheh, Kota Radja telah mendengar ucapan2 daripada pemimpin2 kerajaan dan Darul Islam.

Kedua2 pehak menyeru supaya peperangan itu di-berhentikan.

"Party2 politik suka bidas"

KUALA LUMPUR. — Menteri Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu, Inche Mohamed Khir bin Johari baharu2 ini menegaskan bahawa Persekutuan mempunyai terlalu banyak party2 politik yang menchuba hendak membangkang party kerajaan.

Beliau telah berkata demikian pada masa di-adakan satu perhimpunan di-Alor Star.

Tetapi, kata Inche Khir, itu ada-lah satu tanda yang sehat sa-kira-nya party2 itu membidas sa-chara pembenaan dan tidak hanya menchari salah sahaja.

Kemalangan jalan raya

TUTONG. — Dua kemalangan jalan mengenai kereta telah berlaku di-sini pada hari Sabtu lepas. Dalam kemalangan itu sa-orang pun tidak terchedera.

Kemalangan pertama ia-lah di-antara sa-buah kereta dan sa-buah lori di-batu 28. Kereta dan lori itu telah berlanggar.

Kemalangan kedua mengenai sa-buah motokar yang telah terbalek di-batu 9 tetapi penumpang2-nya tidak terchedera. Kereta itu telah masok ka-dalam parit.

Askar Indian mengetuai tentera Persekutuan

KUALA LUMPUR. — Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah mengumumkan baharu2 ini bahaw sa-orang panglima Indian telah di-lantek menjadi Timbalan Panglima Agong Tentera Persekutuan.

Panglima Indian itu ia-lah Major General E. Habibullah. Beliau telah di-lantek memegang jawatan itu sa-lama dua tahun.

General Habibullah akan bertanggung jawab atas pertadbiran, khas-nya mengenai anggota2 dan latihan di-bawah Lieutenant General F. H. Brooke, sa-orang British yang menjadi panglima agong Tentera Persekutuan.

Kenyataan Kerajaan Persekutuan itu berkata bahawa India telah bersetuju meminjamkan General Habibullah sa-lama dua tahun.

General itu telah menjadi pemerintah Maktab Pertahanan Kebangsaan Indian semenjak beberapa tahun yang lalu.

Beliau di-jangka sampai di-Malaya dalam pertengahan bulan ini.

RANCHANGAN MEMBESARKAN LIMBONGAN

SINGAPURA. — Party yang menguasai kerajaan Singapura, Perikatan Ra'ayat Singapura telah mengumumkan baharu2 ini ranchangan ekonomi-nya untuk lima tahun yang akan datang.

Singapura ada-lah di-jadualkan untuk mengadakan pilihan raya dalam bulan ini berikutan dengan keputusan Kerajaan British hendak memberi kuasa memerintah dalam negeri kepada ra'ayat Singapura.

Dalam ranchangan ekonomi itu Perikatan Ra'ayat Singapura, sa-banyak \$15,000,000 untuk membaiki kemudahan2 di-limbongan Singapura.

Kerajaan akan juga membesarkan perniagaan pelabohan dan menggalakkan perniagaan pelan-chong.